

**PCA Akan Wujudkan Persekitaran Lebih Selamat, Kata Dr M Bernama
3 Oct, 2013**

PETALING JAYA, 3 Okt (Bernama) -- Akta Pencegahan Jenayah (PCA) akan mewujudkan persekitaran yang lebih selamat, kata bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata PCA, yang mendapat kelulusan Parlimen tengah malam Rabu, bertujuan mengekang kadar jenayah serius yang semakin meningkat berikutan pemansuhan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA).

"Orang ramai (rakyat) kini tidak lagi selamat. Mereka (penjenayah) melakukan pelbagai perkara dan ada orang (pembunuh kontrak) bersedia menerima upah yang kecil untuk membunuh orang lain.

"Saya dimaklumkan bahawa dengan upah beberapa ribu ringgit sahaja, mereka sanggup membunuh orang. Sukakah anda dengan masyarakat begitu?" kata beliau kepada pemberita selepas majlis perasmian Forum Ekonomi Cina Sedunia (WCEF) kelima di sini Khamis.

Majlis itu turut dihadiri Duta China ke Malaysia Chai Xi, Gabenor Victoria, Australia Alex Chernov dan Pengerusi Majlis Penggalakan dan Perdagangan Antarabangsa Wan Jifei.

Ditanya sama ada PCA bertentangan dengan langkah Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak memansuhkan ISA sebelum ini, Dr Mahathir berkata undang-undang digubal untuk kebaikan rakyat.

"Ya, anda perlu liberal, anda perlu bebas, tetapi kebebasan ada batasannya.

"Beliau (Najib) berjanji, tapi beliau tidak menjangka bentuk jenayah yang dilakukan selepas undang-undang itu dimansuhkan.

"Tapi, dengan jumlah jenayah (yang meningkat), kini kita tidak lagi selamat apabila berada di jalan raya," katanya.

Pada majlis itu juga Dr Mahathir melancarkan buku 'Mahathir bin Mohamad on the Contemporary World (A Conversation with Vitaly Naumkin)' yang ditulis berdasarkan temu bual beliau dengan ahli akademik Rusia Dr Vitaly Naumkin.

Pelbagai isu dibincang dalam buku ini, termasuk trajektori pembangunan dunia kontemporari dan keadaan hubungan antara Barat dan Dunia Islam.

Persidangan dua hari bertemakan 'Perkongsian Ekonomi Global: Merealisasikan Peluang, Menghubungkan Timur dan Barat' ini, dihadiri lebih 600 peserta dari lebih 30 negara.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=982771>

